

11/7/82

11 JUL 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

'Dayabumi' akan siap ikut jadual

PM: Pembinaan bangunan GPO dilanjutkan 53 hari lagi

KUALA LUMPUR, Sabtu

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata Projek Dayabumi akan dapat disiapkan mengikut jadualnya pada April, 1984.

Perdana Menteri menjelaskan beliau diberi taklimat bahawa para kontraktor yakin dapat menyiapkan projek tersebut kira-kira sebulan lebih awal dari jangka masa yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, tambahnya, Bangunan Pejabat Besar Pos (GPO), sebahagian dari projek itu tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Ini, katanya, adalah berpunca dari perubahan terakhir di dalam struktur pembinaannya.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat projek itu di sini hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir, berkata pembinaan bangunan GPO kini akan dilanjutkan 53 hari lagi.

Menurut beliau, projek raksaksa berharga kira-kira \$400 juta yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) itu adalah berjalan lancar.

Selanjutnya, Perdana Menteri menjelaskan projek itu adalah projek terbesar Kerajaan di Bandaraya dan yang pertama sekali menggunakan struktur besi-waja.

Selain dari itu, katanya, projek tersebut juga dilaksanakan secara "turn-key".

Datuk Seri Dr. Mahathir, menambah Kerajaan juga akan memperhebat usaha membangunkan kawasan-kawasan kampung sambil memberi perhatian yang sama berat terhadap pembangunan bandar.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri, yang diringi oleh Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz dan Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, Encik Hussein Mahmud, telah melawat tapak projek tersebut.

Beliau telah diberi taklimat oleh Ketua Pengarah UDA, Encik Ahmad Khalrummuzammil Mohd. Yusof.

Apabila siap kelak, projek tersebut akan menempatkan 15 jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya dan Jabatan Kerjaya.

No. Siri 2887
No. Penerimaan 632/82